

25 JAN 1998

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA AUSTRALIA DAN NAURU

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengirinkan perutusan tahniah kepada Gabenor-Jeneral Australia Sir Patrick William Deane sempena Hari Kebangsaan Australia esok.

Baginda berdua berharap hubungan yang terjalin antara kedua-dua negara akan terus berkembang dalam tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula yang menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, John Howard, melahirkan keyakinan hubungan persahabatan Malaysia dan Australia dapat diperkukuhkan lagi.

Dr Mahathir berkata lawatan Howard ke Malaysia bulan depan memberikan peluang kepada kedua-dua negara mengkaji dan memperluaskan hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya, Alexander Downer.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga mengucapkan tahniah kepada Presiden Nauru, Kinza Clodumar, sempena hari kemerdekaan negara itu pada 31 Jan.

Dr Mahathir juga mengutuskan ucapan serupa kepada Kinza Clodumar. --  
BERNAMA

MHI oba